

17/01/1998

Nujum, media Barat keliru

SATU daripada kekuatan yang menjadi asas kita membangun negara selama ini ialah perpaduan antara kaum pelbagai keturunan, agama, kebudayaan dan kepercayaan. Hanya sekali perpaduan ini terjejas pada 1969 tetapi sejak pengalaman pahit itu, rakyat kita membina kerukunan hidup yang dapat kita pertahankan hingga hari ini.

Memang kejayaan ini sukar difahami oleh orang lain terutama oleh penganalisis dan media Barat kerana mereka sendiri tidak mampu menyelesaikan masalah diskriminasi dan penganiayaan terhadap kaum minoriti di negara masing-masing. Kerana itu, mereka cenderung menganggap Malaysia yang mempunyai penduduk daripada pelbagai kaum sudah tentu menghadapi ketegangan perkauman. Salah sangka ini diperkuat pula oleh prejudis politik.

Sehubungan ini tersebar spekulasi seperti yang berlaku kelmarin krisis ekonomi negara kita mencetuskan ketegangan antara kaum. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyentuh hal ini sepintas lalu Isnin lalu. Kita jangan melayani khabar angin itu, katanya.

Kegawatan ekonomi akibat kejatuhan nilai mata wang di beberapa negara Asean memang menjejaskan politik di Indonesia dan Thailand, termasuk Korea Selatan. Di Indonesia timbul suara supaya Presiden Suharto meletakkan jawatan. Di Thailand berlaku pertukaran kerajaan dan di Korea Selatan, suatu pilihan raya menghasilkan sebuah kerajaan baru menggantikan kerajaan lama. Tetapi pada umumnya boleh dikatakan negara terbabit masih dapat mempertahankan keutuhan dan kestabilannya. Memang dijangka kemelut ekonomi mengandungi elemen yang tidak stabil untuk perkembangan politik sesebuah negara. Bentuk dan corak kesan politik itu bergantung kepada ciri negara yang mengalami krisis masing-masing.

Kita di Malaysia bertindak sejak awal krisis untuk memantap dan mengukuhkan kestabilan politik kita. Rakyat pelbagai kaum dan dari tiap peringkat menyatakan sokongan bulat dan padu terhadap kepemimpinan kerajaan terutama kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kita menolak fitnah media asing untuk mengadudombakan Perdana Menteri dengan timbalannya. Kita tidak dapat menerima campur tangan asing untuk 'menghukum' Dr Mahathir kerana konon bersikap anti-Yahudi. Kita tidak dapat mengizinkan Amerika campur tangan dalam urusan dagang kita berkongsi dengan syarikat Russia dan Perancis untuk mencari gali minyak di Iran. Kita tidak dapat menerima negara kita meminta bantuan IMF. Dalam pada itu pemimpin negara kita tetap aktif di bidang diplomasi antarabangsa memperjuangkan pendirian kita agar spekulasi golongan petualang perniagaan mata wang dikawal dan diawasi. Kita menganjurkan sidang demi sidang antara negara Asean serta dengan negara lain untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran demi menangani krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Dalam pada itu, kerajaan kita menguatkuasakan agenda sendiri di bidang ekonomi dan kewangan untuk rakyat hidup berhemat menghadapi cabaran masa depan. Memang keadaan belum pulih tetapi tidak syak mengenai tekad dan kesungguhan kerajaan dan rakyat Malaysia untuk mengatasi masalah ekonomi negara. Dan dengan sendirinya ini menimbulkan keyakinan dan keazaman rakyat untuk memulihkan kembali ekonomi negara.

Memang berlaku pelbagai masalah yang menjejaskan kehidupan harian rakyat. Tetapi ketegangan dalam perhubungan kaum? Ini adalah dongeng media asing. Rakyat Malaysia adalah semula jadi suatu bangsa yang terbuka menyatakan rungutan dan sungutan mereka. Perdana Menteri sendiri mengakui

rakyat cenderung menyebarkan khabar angin hingga Perdana Menteri sendiri menjadi sasaran. Untuk wartawan asing yang kurang teliti, khabar angin mudah dipercayai sebagai pendapat umum. Sesetengah wartawan Barat belum dapat membuang kebiasaan mereka untuk mengutip khabar angin dan spekulasi rambang sebagai laporan yang sah.

Berita positif mengenai kemantapan hubungan kaum begitu luas tersiar dalam media kita. Pelbagai pertubuhan bukan politik dari kaum Cina umpamanya bersidang baru-baru ini untuk memberikan sokongan bulat kepada kepimpinan kerajaan. Percanggahan pendapat bergolak tanpa reda atas pelbagai isu dan masalah negara. Sidang Dewan Rakyat begitu rancak dengan wakil DAP khususnya Lim Kit Siang mempergunakan sepenuhnya kesempatan sidang untuk mengkritik kerajaan termasuk mendakwa anggota Dewan Negara kononnya menjadi patung saja. Adalah tidak masuk akal di sebalik keterbukaan ini gejala ketegangan kaum mencari tempat dan ruang.

Ahli nujum Barat termasuk wartawan barangkali menduga kemerosoton ekonomi menjejaskan pengagihan kekayaan antara kaum selain melebarkan jurang ekonomi kaum. Dan ini sekarang berkesan kepada perhubungan kaum. Tetapi kemelut ekonomi menjejaskan kehidupan setiap golongan masyarakat. Kesannya tidak memilih kaum dan kedudukan. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri, rakyat matang dan menyedari kekuatan menghadapi kemelut politik dan masa depan terletak kepada perpaduan rakyat daripada semua kaum. Bagaimanapun kita wajar waspada khabar yang negatif seperti ini akan terus disebar untuk menguji dan mencabar kematangan dan kewarasan kita walaupun tidak untuk melemahkan tekad menebus kembali kedudukan pada masa depan.

(END)